



Foto hiasan.

Tanggungjawab Muslim hasil inovasi manfaat ummah

Dr Rozaini Othman dan Zaiton Din

bhrencana@bh.com.my (mailto:bhrencana@bh.com.my)

Penciptaan alatan teknologi masa kini memberikan banyak kemudahan kepada manusia. Antara tujuan utama sesuatu inovasi itu dihasilkan ialah untuk membantu dan memudahkan manusia melaksanakan apa sahaja tugas.

Bahkan, tidak keterlaluan jika dikatakan, penggunaan teknologi banyak memberi manfaat kepada Muslim sepanjang Ramadan.

Sebagai contoh, penentuan tarikh awal Ramadan dilakukan dengan menggunakan kaedah rukyah dan hisab. Kaedah ini dibantu dengan penggunaan alatan seperti 'theodolite' berfungsi mengukur sudut mendatar dan menegak serta teleskop serta teropong untuk mencerap anak bulan atau hilal.

Terdapat teknologi terkini turut digunakan, iaitu kamera 'Charge Couple Device' dihubungkan dengan teleskop untuk menambahkan kepekaan terhadap pengesanan cahaya hilal.

Begitu juga dengan inovasi teleskop menggunakan gelombang radio untuk mengesan kedudukan hilal dengan lebih tepat dan jitu. Bukan sekadar penentuan tarikh awal Ramadan, pengiraan waktu berbuka dan imsak juga dibantu dengan alatan ini, selain daripada kaedah pengiraan matematik.

Pembangunan aplikasi dalam telefon pintar berkaitan Ramadan turut memudahkan umat Islam beribadah. Aplikasi menyediakan maklumat penting seperti waktu solat memudahkan Muslim mengetahui waktu tepat berbuka dan bersahur.

Terdapat juga aplikasi dibangunkan menawarkan doa, hadis serta tazkirah sebagai peringatan kepada umat Islam. Selain itu, aplikasi al-Quran dalam telefon pintar pula sangat membantu umat Islam membaca al-Quran di mana sahaja berada.

Antara keunikan di negara kita adalah kewujudan bazar Ramadan, menjadi tempat umat Islam membeli makanan sebagai juadah untuk berbuka puasa. Pada masa sama, ia juga sumber rezeki kepada peniaga.

Jika diperhatikan, pada masa kini, kebanyakan peniaga mula menggunakan perkhidmatan bayaran melalui kaedah pembayaran tanpa tunai, sekali gus memudahkan urusan jual beli antara peniaga dan pembeli.

Selain itu, terdapat juga bazar Ramadan yang menggunakan teknologi untuk mengawal kesesakan dalam bazar dengan mengawal jumlah pengunjung masuk ke dalam tapak perniagaan.

Teknologi digunakan membolehkan penganjur bazar mengetahui jumlah semasa (real-time) keluar masuk pengunjung, sekali gus memudahkan mengawal pergerakan pengunjung dalam bazar dan memberi keselesaan kepada pelanggan.

Sementara itu, penciptaan alatan teknologi memasak terkini turut memudahkan lagi kerja memasak kerana hampir semua proses memasak boleh dilakukan menggunakan satu alat sahaja.

Berdasarkan contoh di atas, penggunaan teknologi amat membantu dan memudahkan urusan orang ramai dan hakikatnya, ia sesuatu yang amat dituntut dalam agama Islam. Allah SWT menerusi al-Quran menggalakkan umat Islam berfikir dan menghasilkan inovasi untuk kepentingan ummah dan sejagat.

Rasulullah SAW turut memberi saranan kepada umatnya untuk menghasilkan sesuatu bermanfaat kepada manusia melalui sabda Baginda. Daripada Ibnu 'Umar, Nabi SAW bersabda, "Manusia paling dicintai Allah adalah paling memberikan manfaat bagi manusia. Adapun amalan paling dicintai Allah adalah membuat Muslim lain bahagia, meringankan kesusahan orang lain, membayarkan hutangnya atau menghilangkan rasa laparnya. Seandainya aku berjalan bersama saudaraku untuk memenuhi suatu keperluan, maka hal itu lebih aku cintai daripada iktikaf sebulan di masjid ini (Masjid Nabawi di Madinah) selama sebulan penuh". (HR Tobarani)

Jelas sekali, inovasi teknologi pasti memanfaatkan seluruh manusia jika digunakan untuk kebaikan. Justeru, menjadi tanggungjawab kepada umat Islam untuk menguasai ilmu sains dan teknologi supaya dapat membangunkan lagi pelbagai teknologi, aplikasi dan sistem untuk kegunaan umat serta sejagat, seperti dilakukan ilmuwan Islam silam.


Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang

Berita Berkaitan



(/wanita/keluarga/2023/03/1080228/peralatan-moden-mudahkan-memasak-pada-ramadan)

Peralatan moden memudahkan memasak pada Ramadan
(/wanita/keluarga/2023/03/1080228/peralatan-moden-mudahkan-memasak-pada-ramadan)



(/rencana/lain-lain/2023/04/1087020/al-quran-ajak-umat-berkolaborasi-berfikir-dalam-disiplin-kehidupan)

Al-Quran ajak umat berkolaborasi, berfikir dalam disiplin kehidupan
(/rencana/lain-lain/2023/04/1087020/al-quran-ajak-umat-berkolaborasi-berfikir-dalam-disiplin-kehidupan)